

Headline	COPS KUKUH CENGGKAMAN		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	160,000
Page No	64	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	462 cm <sup>2</sup>
Journalist	! SUBKHISUDARJI	AdValue	RM 5,872
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,616



# COPS KUKUH CENGGKAMAN

Mohd Izuan Jarudin (kanan) menyekat pemain PDRM, Chad Charles Souza dalam perlawanan PDRM menentang JDT II di Stadium MBPJ, semalam.

## ■ SUBKHI SUDARJI

**POLIS** Diraja Malaysia (PDRM) mengukuhkan cengkaman selaku peneraju Liga Premier selepas menewaskan Johor Darul Ta'zim (JDT II), 1-0 di Stadium Majlis Perbandaran Petaling Jaya, petang semalam.

Gol tunggal perlawanan dijaringkan Ahmad Ezrie Shafizie Sazali ketika perlawanan berbaki lima minit.

Beraksi dalam keadaan cuaca panas, kedua-dua pasukan mempamerkan aksi hambar di babak pertamal.

Memasuki 15 minit terakhir, kedua-dua pasukan mula menemui rentak khususnya PDRM.

Bagaimanapun, pelawat terlebih

dahulu berpeluang menjaringkan gol, tetapi ketumpulan jentera serangan menyelamatkan *The Cops*.

Ketika perlawanan hampir di-tamatkan dengan keputusan seri tanpa jaringan, Ezrie memastikan tiga mata penuh buat *The Cops* apabila menjaringkan gol tunggal perlawanan m-85.

Lain-lain keputusan, UiTM FC mengalahkan KL SPA 2-1, DRB Hicom pula kecundang 1-3 kepada Negeri Sembilan.

Di utara pula PBAPP FC tewas 1-2 kepada Felda United manakala Perlis tewas 1-6 kepada Kedah sementara Sabah tewas 1-3 kepada Pulau Pinang.